

D502

B B599 AAB  
MAHATHIR - PELABUR R R R  
(I)

SHAH ALAM, 23 NOV (BERNAMA) -- KABINET TELAH MEMUTUSKAN UNTUK MENUBUHKAN SATU UNIT KECIL DI JABATAN PERDANA MENTERI KHUSUS UNTUK MENGENDALIKAN RUNGUTAN-RUNGUTAN ATAU CADANGAN-CADANGAN PARA PELABUR DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

UNIT ITU MERUPAKAN SALAH SATU USAHA KERAJAAN YANG BERTERUSAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH MENARIK LAGI KEPADA PARA PELABUR ASING DAN TEMPATAN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN MATSUSHITA TELEVISION CO (M) SDN BHD (MTV), SALAH SEBUAH PENGELUAR TELEVISYEN WARNA TERBESAR DI DUNIA, DI SINI.

BELIAU BERKATA UNIT ITU, YANG AKAN BERTANGGUNJAWAB TERUS KEPADA PERDANA MENTERI, AKAN MENGHANTAR SOAL SELIDIK KEPADA SEMUA SYARIKAT SECARA SULIT.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR BAHAWA LANGKAH-LANGKAH PERLU AKAN DIAMBIL UNTUK MELAYANI SUNGUTAN ATAU CADANGAN MEREKA.

+SILALAH GUNAKAN KEMUDAHAN BARU INI. JANGAN TUNGGU SEHINGGA DIMINTA OLEH UNIT BERKENAAN. IANYA DITUBUH UNTUK BERKHIDMAT KEPADA ANDA,+ KATANYA.

-- LAGI

1309MST 23 11 89

D503

B B600 AAB  
MAHATHIR - PELABUR 2 SHAH ALAM

MTV, YANG MEMPUNYAI MODAL YANG DIBENARKAN SEBANYAK \$150 JUTA DAN MODAL BERBAYAR \$70 JUTA, MERUPAKAN ANAK SYARIKAT KELAPAN MATSUSHITA DI MALAYSIA. MATSUSHITA ADALAH SYARIKAT PENGELUAR BARANG-BARANG ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERBESAR JEPUN.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UNIT ITU TELAH MEMULAKAN OPERASINYA.

KATANYA, IA DITUBUHKAN BERIKUTAN CADANGAN-CADANGAN DARIPADA PARA PELABUR SENDIRI SERTA KEINGINAN KERAJAAN UNTUK MENGADAKAN MUTU PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK DI NEGARA INI.

+KITA INGIN MEMPASTIKAN PROSES MENJADIKAN NEGARA INI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BERJALAN LANCAR,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG PENTING IALAH UNIT ITU AKAN MEMBOLEHKAN PARA PELABUR MENEGEMUKAKAN SUNGUTAN ATAU CADANGAN MEREKA SECARA SULIT TANPA BIMBANG DIKETAHUI OLEH PIHAK LAIN. -- LAGI

1317MST 23 11 89

D507

B B601 AAB  
MAHATHIR - PELABUR 3 SHAH ALAM

DALAM UCAPAN PEMBUKAANNYA SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMUJI MATSUSHITA DI ATAS KEYAKINANNYA TERHADAP MALAYSIA KERANA IA MERUPAKAN SALAH SEBUAH SYARIKAT JEPUN YANG PERTAMA MELABUR DI NEGARA INI DI SAMPING TERUS MEMBUAT PELABURAN BESAR.

DENGAN ADANYA MTV, YANG BERUPAYA MENGELUARKAN 300,000 BUAH TV WARNA UNTUK DIEKSPORT DALAM TAHUN PERTAMA, PELABURAN MATSUSHITA DI MALAYSIA TELAH MELEBIHI \$1,000 JUTA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEYAKINAN DAN ALIRAN MENINGKAT YANG CERGAS MATSUSHITA TERHADAP MALAYSIA KINI BERKEMBANG KEPADA LEBIH BANYAK PELABUR JEPUN DARIPADA PELBAGAI PERINGKAT SAMA ADA BESAR, SEDERHANA ATAU KECIL.

INI MENYEBABKAN JEPUN MENJADI PELABUR TERBESAR DI NEGARA INI SEJAK BEBERAPA TAHUN LEPAS.

TETAPI LEBIH BANYAK PELUANG WUJUD DI MALAYSIA BAGI PELABURAN LEBIH BESAR DENGAN ADANYA KOMITMEN KUKUH KERAJAAN TERHADAP PROGRAM MENJADIKAN NEGARA INI SEBAGAI NEGARA PERINDUSTRIAN SECARA CERGAS TERUTAMA DALAM BIDANG PEMBUATAN, KATANYA. -- LAGI  
1343MST 23 11 89

D508

B B602 AAB  
MAHATHIR - PELABUR 4 SHAH ALAM

+KOMITMEN INI TIDAK DAPAT DIELAKKAN MEMANDANGKAN HANYA PERINDUSTRIAN, TERUTAMA PEMBUATAN, DAPAT MEWUJUDKAN PEKERJAAN BAGI RAKYAT KITA DI SAMPING MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN JEPUN, MALAYSIA MENERIMA ALIRAN KEMASUKAN PELABURAN DARI NEGARA LAIN-LAIN DI ASIA YANG SEDANG BERKEMBANG SEPERTI TAIWAN, SINGAPURA DAN HONG KONG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HUBUNGAN ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA DIPERKUKUHKAN LAGI MELALUI PERDAGANGAN DAN PELABURAN, KEMASUKAN PELABURAN JEPUN SECARA TERUS SERTA PEMINDAHAN TEKNOLOGI KE MALAYSIA DALAM DEKAD LEPAS.

-- BERNAMA  
1354MST 23 11 89